

21/01/2002

Langkawi mempesona, pengarah filem kita `melangut' saja

DALAM kunjungan terbaru (yang entah ke berapa kali) ke Pulau Bebas Cukai, Langkawi, baru-baru ini, saya sempat mengambil angin petang bersama teman di persisiran Pantai Kok hingga ke Teluk Burau.

Cantik sungguh apa yang terbentang kerana di pantai itulah Chow-Yun Fatt dan Jodie Foster mencari ketenangan hidup dan bermain perasaan dalam filem epik tersohor mereka, Anna And The King.

Saya intai juga tinggalan props filem Hollywood arahan Andy Tennant itu. Nampaknya `Istana Merah Raja Mongkut' yang dibina hingga ke gigi air masih tegap berdiri. Difahamkan, ia kini menjadi salah satu tarikan pelancong ke Pantai Kok walaupun saya sendiri tidak pasti berapa lama lagi binaan itu akan bertahan untuk dilawati.

Pada hari itu juga, teman saya memandu keretanya lebih jauh menuju ke kaki Gunung Machinchang yang berlekuk-lekuk. Katanya, beliau mahu menunjukkan saya sebuah lagi pusat rekreasi terbaru yang unik, diberi nama Oriental Village.

Tiba saja di situ, kami terus berjalan masuk. Apabila sampai di dalam, saya terdiam sejenak. Jelas apa yang dipandang dalam Oriental Village itu sungguh mempesonakan bagi orang yang bekerja di kota bingit seperti Kuala Lumpur.

Pusat rekreasi itu berupa sebuah taman yang menempatkan replika bangunan atau kediaman orang di Timur termasuk Jepun, China, Thailand dan Indonesia. Semua itu dibina mengelilingi tasik yang dipenuhi tumbuhan air iaitu teratai dan kiambang.

Di situ juga pengunjung boleh membeli pelbagai ole-ole bebas cukai untuk dibawa pulang sebagai buah tangan. Saya perhatikan, ada pula kafe untuk bersantai yang rasanya ia 10 kali lebih eksotik kalau dibandingkan dengan yang ada di Bintang Walk atau KLCC.

Tidak cukup dengan binaan dan taman unik itu, sebuah projek raksasa kini dalam pembinaan di Oriental Village. Ia adalah projek pembinaan kereta kabel jenis gondola yang dikatakan terpanjang di dunia dan akan membawa pengunjung `terbang' hingga ke puncak Machinchang!

Saya difahamkan, projek berharga RM45 juta itu adalah ilham rasa Perdana Menteri kita, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang ingin melihat Langkawi terus canggi di mata dunia. Siapa sangka puncak yang dulunya dianggap misteri dan bermitos kini sudah diteroka oleh kreativiti manusia. Hebat!

Bayangkanlah nanti apa yang anda akan lihat apabila berada dalam kereta kabel itu. Tentunya pemandangan Teluk Burau yang cantik dari udara, bukan? Yalah, kalau selama ini orang Pahang bangga dengan kereta kabel di Genting Highlands, Orang Kedah khususnya warga Langkawi, sudah boleh tersenyum dengan kereta kabel mereka di Gunung Machinchang!

Ketika melihat persekitaran Oriental Village saya terus terfikir itulah salah satu lokasi terbaik untuk penggambaran filem, drama dan video klip.

Cuma apa yang selalu terjadi, produser dan pengarah kita sendiri yang malas berjalan dan meneroka apa yang ada di Langkawi mahupun tempat lain di Malaysia. Bak kata orang Kedah, depa asyik dok `melangut' saja! Balik-balik, semua bertumpu pada tempat yang sama.

Tidak dinafikan dalam soal sinematografi, karyawan Bollywood dan Hollywood selalunya mempunyai pancaindera yang lebih peka terhadap keindahan alam termasuklah di Malaysia. Malah, bukit tanah merah di Genting Sempah pun nampak cantik apabila terbit dalam filem One Two Ka Four!

Saya masih ingat, ketika mengikuti penggambaran filem Hindi, Yaadein, di Dataran Lang, berhampiran Jeti Kuah, tahun lalu, pengarah Subhash Ghai tiba-tiba menjerit sendirian selepas babak asmara Kareena Kapoor dan Hrithik Roshan berjaya dirakamkan: "Oh my God... Langkawi's sunset is soooo... beautiful!"

Tidak hairanlah, satu kajian yang dibuat oleh sebuah badan pelancongan antarabangsa baru-baru ini mengatakan, Pantai Datai di Langkawi terpilih sebagai pantai ketujuh tercantik di dunia. Bukanlah itu satu angka menarik - tujuh selepas habisnya sumpah Mahsuri tujuh keturunan?  
roslen2001@hotmail.com

(END)